



**PERANAN HAKIM DI DALAM ENAKMEN
PROSEDUR JENAYAH SYARIAH
NEGERI SEMBILAN 1992**

SELAMAT BIN PAIGO

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT BAGI MEMPEROLEHI DIPLOMA
UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SESI 1993/1994**

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَلَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
شَهِيدُ خَلْقِهِ نَبِيُّهُ وَالْمُرْسَلُونَ

Pertamanya penulis mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya telah memberi kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan sebuah penulisan ilmiah sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DALJ) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bagi sesi pengajian 1993/1994.

Dalam usaha menyiapkan penulisan ini penulis telah mendapat dorongan dan sokongan dari berbagai pihak. Penulis merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih untuk semua tenaga pengajar yang terlibat mendidik dan mencurahkan ilmu pengetahuan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung kepada diri penulis, semoga segala ilmu yang dicurahkan itu akan dimanfaatkan dari masa ke semasa.


Tidak dilupakan juga, penghargaan istimewa kepada Prof. Tan Sri Dato' Syed Agil Barakbah selaku penyelia dalam bimbingan penulisan ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan amat bermakna, semoga Allah S.W.T membala segala juga dan sumbangan yang telah diberikan.

Rakaman ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Darul Khusus dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia kerana telah membuka peluang kepada penulis untuk terus menambahkan ilmu dan pengalaman baru khususnya yang berkaitan dengan Pentadbiran Kehakiman di Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.

Penulis juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan scrumah ; Raduan, Daud dan Zuhaimi yang sama-sama merasai pahit manis sepanjang tempoh belajar di UIA. Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih di atas nasihat, teguran dan sokongan kalian. Semoga perkenalan kita sentiasa berterusan.

Juga tidak dilupakan kepada pengorbanan besar Honda yang telah banyak membimbing, mendidik dan menunjuk ajar segalanya. Buat Raha, usaha dan pengorbananmu sentiasa disanjung dan dihargai. Buat Salmi Shakirah, tangis dan tawa mu sentiasa mendorong ke arah kejayaan. Semoga masa hadapanmu sentiasa diiringi kejayaan.Untuk akhir sekali, penulis memohon agar usaha kecil yang dilakukan ini akan memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Wassalam.



Selamat Bin Paigo

1755 Jalan Padang Tembak

73000 Tampin

Negeri Sembilan Darul Khusus.

19 hb Zulhijjah 1414 H

30 hb Mei 1994 M

Sinopsis

Kajian bertajuk Peranan Hakim Di Dalam Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 ini telah dibahagikan kepada lima bab. Bab Pertama merupakan bahagian pendahuluan kajian ini yang menjelaskan tentang skop, tujuan dan latarbelakang kajian, di samping mencerangkan mengenai methodologi yang digunakan dan masalah kajian yang dihadapi. Bab Kedua membicarakan mengenai kehakiman dari sudut pandangan Islam. Bab Ketiga pula membincangkan peranan Hakim pada peringkat proses sebelum perbicaraan, bermula dari proses tangkapan sehingga proses pertuduhan. Seterusnya di dalam Bab Keempat dibahagikan pula peranan Hakim di dalam perbicaraan jenayah syariah yang bermula dari kehadiran orang yang dituduh di hadapan mahkamah sehingga Hakim membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman. Kajian ini diakhiri dengan Bab Kelima yang merupakan penutup. Penulis megemukakan beberapa saranan dan kesimpulan mengenai peranan Hakim di dalam mentadbirkan Enakmen Prosedur Jenayah Syariah.

KANDUNGAN

	HALAMAN
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Kandungan	iv
Senarai Kes	vi
Senarai Singkatan	vii
 BAB I - PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	1
1.3 Skop Kajian	2
1.4 Latar Belakang Kajian	3
1.5 Methodologi Kajian	4
1.6 Masalah Kajian	4
 BAB II - KEHAKIMAN MENURUT PANDANGAN ISLAM	
2.1 Pengenalan	6
2.2 Takrif Kehakiman	6
2.3 Dalil Pensyariatan Kehakiman	8
2.4 Paranan Hakim Syarie	11
2.5 Tujuan Terpenting Kehakiman	13
2.6 Bidangkuasa Mahkamah Syariah	14
 BAB III -PERANAN HAKIM DI DALAM PROSES PRABICARA	
3.1 Pendahuluan	19
3.2 Tangkapan	20
3.3 Saman Dan Waran	21
3.4 Permulaan Prosiding	25
3.5 Aduan Kepada Hakim	28
3.6 Pertuduhan	30

BAB IV - PERANAN HAKIM DI DALAM PERBICARAAN

JENAYAH SYARIAH

4.1 Pendahuluan	39
4.2 Permulaan Kes Pendakwa	41
4.3 Mengemukakan Saksi	43
4.4 Pemeriksaan Saksi	44
4.5 Penutupan Kes Pendakwa	46
4.6 Pembukaan kes Pembela	48
4.7 Pemeriksaan Oleh Hakim	50
4.8 Penutupan Kes	53
4.9. Keputusan Dan Hukuman	55

BAB V - PENUTUP

5.1 Kesimpulan	66
5.2 Saranan Dan Cadangan	68
5.3 Penutup	72

Bibliografi	73
-------------	----

Senarai Kes

Halaman

<p><i>A. Ragunathan lwn. Pendakwa Raya [1982] 1 M.L.J 139.</i></p> <p><i>Abang Abdul Rahman lwn. PP [1982] 1 M.L.J 346.</i></p> <p><i>Adel Muhammed El Dabbah lwn. Attorney-General For Palestine [1944] A.C. 156.</i></p> <p><i>Aishah bt. Abdul Rauf lwn Wan Mohd Yusuf b. Wan Othman [1990] 7 JH Bhg. II, 152.</i></p> <p><i>Balder Singh lwn PP [1985] 2 M.L.J. 453</i></p> <p><i>Bashirah bt. Abdullah lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan [1990] 7 JH Bhg. II, 215</i></p> <p><i>Cheah Chooi Chuan, PP lwn. [1972] 1 M.L.J 215.</i></p> <p><i>Chong Ah Chai, PP lwn. [1979] 2 M.L.J 262.</i></p> <p><i>Francis Dang Anak Nuya, PP lwn. [1988] 1 M.L.J. 89.</i></p> <p><i>Heng You Nang lwn. PP [1949] M.L.J. 285.</i></p> <p><i>H.I.S. Pareira, PP lwn. [1977] 1 M.L.J. 12.</i></p> <p><i>Huang Chin Shiu lwn. Rex [1952] M.L.J. 7.</i></p> <p><i>Ja'afar b. Sudin & Seorang lagi, Pendakwa Syarie lwn. [1990] 7 JH Bhg. I, 253.</i></p> <p><i>Jayaraman & Ors. lwn PP [1982] 2 M.L.J. 306</i></p> <p><i>Juffery bin Hashim lwn. PP [1986] 2 M.L.J. 239.</i></p> <p><i>Kah Wai Vodeo, In re [1987] 2 M.L.J. 459.</i></p> <p><i>Karpal Singh lwn. PP [1986] 2 M.L.J. 319.</i></p> <p><i>Karumah, PP lwn. [1980] 2 M.L.J. 102.</i></p> <p><i>Koh Teck Chai lwn. PP [1968] 1 M.L.J. 166.</i></p> <p><i>Kuppusamy lwn. PP [1948] M.L.J. 25.</i></p> <p><i>Lam Chiak lwn. PP [1986] 1 C.L.J. 97.</i></p> <p><i>Lim Chin Poh lwn PP. [1984] 1 M.L.J. 50.</i></p> <p><i>Mat lwn. PP [1963] M.L.J. 263.</i></p> <p><i>Mohamed Said, PP lwn. [1984] 1 M.L.J. 50.</i></p> <p><i>Munusamy, PP lwn. [1980] 2 M.L.J. 133.</i></p> <p><i>Nagappan lwn. PP [1988] 1 C.L.J. 283</i></p> <p><i>Nai Prasit, PP lwn. [1961] M.L.J. 62.</i></p> <p><i>Narain Singaray lwn. PP [1988] 1 C.L.J. 179.</i></p>	<p style="margin-top: 100px;">47</p> <p>45</p> <p>43</p> <p>55</p> <p>49</p> <p>33</p> <p>40</p> <p>42</p> <p>31</p> <p>32</p> <p>54</p> <p>40</p> <p>40</p> <p>20</p> <p>40</p> <p>26</p> <p>26</p> <p>47</p> <p>54</p> <p>47</p> <p>24</p> <p>51</p> <p>56</p> <p>42,46</p> <p>45</p> <p>50</p> <p>28</p> <p>44</p>
---	---

<i>Palidas Arymugam</i> lwn. PP [1988] 1 C.L.J. 661.	32
<i>Rajappan</i> , PP lwn. [1985] 2 M.I.J. 231.	27
<i>Rasiah Munusamy, Re</i> [1983] M.L.J. 294.	29
<i>Rusidah bt. Abdul Ghani</i> lwn. <i>Pendakwa</i>	
<i>Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan</i>	
[1990] 7 JH Bhg. II, 211.	31
 <i>Shaaban & Ors.</i> lwn <i>Chong Fook Kam & Anor</i>	
[1969] 2 M.I.J. 219.	20
<i>Subramaniam</i> lwn PP [1985] 1 M.I.J. 310.	49
<i>Syarikat Perusahaan Makanan Haiwan Bekerjasama</i> , PP lwn. [1969] 2 M.I.J. 250.	57
 <i>Tan Hoe Watt</i> lwn. PP [1980] 2 M.L.J. 46.	33
<i>Tan Kim San</i> , PP lwn [1980] 1 M.I.J. 99.	47
<i>Then Mee Kom</i> , PP lwn. [1983] 2 M.I.J. 344.	26
<i>Zainuddin b. Subramanian</i> , PP lwn. [1986] 1 M.L.J. 468.	55

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kertas projek ini adalah bertajuk Peranan Hakim di Dalam Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Hakim adalah memainkan peranan penting di dalam Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian penulis telah memilih tajuk ini bagi melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh seorang Hakim dalam menangani sesuatu kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah mengikut Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

Kajian ini adalah menekankan kepada pra perbicaraan, semasa perbicaraan, keputusan dan hukuman menurut Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Walau bagaimanapun penulis juga akan menyentuh beberapa perkara asas mengenai kehakiman didalam Islam.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan sijil Diploma Pentadbiran Undang-Undang Dan Kehakiman Islam (DAIJ) dari Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi 1993/1994. Selain itu, penulis memandang perlu dibuat kajian ini bagi memudahkan atau menyediakan rujukan kepada Hakim-hakim sebagai panduan dalam menjalankan tugas-tugas harian khususnya bagi Hakim-hakim Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan.

Para Hakim adalah perlu memahirkan diri mereka dengan prosedur yang betul menurut enakmen yang diperuntukkan. Dengan kemahiran tersebut akan mewujudkan kecekapan dalam menjalankan tugas sebagai seorang Hakim.

Satu perkara penting lagi yang perlu disebutkan ialah mengenai Pindaan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini telah meletakkan ruang yang besar kepada Mahkamah Syariah di dalam menangani kes-kes mahkamah pada masa hadapan di dalam kes Syariah. Dengan lain perkataan, bidangkuasa Mahkamah Syariah telah diperluaskan di dalam bidangnya di mana Mahkamah Awam tidak lagi berhak campurtangan seperti sebelumnya. Oleh itu semua kes Syariah akan dibicarakan di dalam lingkungan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Keadaan ini menjadikan cabaran kepada Hakim-hakim Mahkamah Syariah untuk mempertingkatkan kemahiran, kecekapan dan lebih berkeyakinan di dalam mengendalikan kes. Semoga dengan adanya kajian ini akan membantu Hakim-hakim memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

1.3 Skop Kajian

Penulis membincangkan kajian ini dengan penekanan kepada peranan Hakim mengikut Prosedur Jenayah Syariah. Dalam hal ini, Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 adalah dijadikan rujukan utama. Negeri Sembilan dipilih sebagai sampel kajian kerana penulis sendiri adalah berasal dari Negeri Sembilan dan berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Kemungkinan juga pada satu masa nanti, penulis akan melibatkan diri dalam jawatan kehakiman.

Dari segi penulisan, penulis akan cuba membentangkan kajian ini dengan diberi penekanan kepada proses pra perbicaraan. Ini adalah penting untuk mengetahui latarbelakang sesuatu kes yang akan dibicarakan supaya masa yang digunakan semasa perbicaraan dapat dimanfaatkan dengan betul tanpa membuang masa dengan membicarakan perkara yang tidak berkaitan. Penekanan juga akan diberikan kepada proses semasa perbicaraan sehingga proses penghakiman di akhir perbicaraan. Kesemua proses ini adalah dibincangkan mengikut prosedur Jenayah Syariah.

1.4 Latarbelakang Kajian

Seseorang Hakim mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat. Perkara yang perlu dilakukan oleh seorang hakim ialah menjalankan tugasnya dengan sempurna serta bertepatan dengan semua undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan. Selaras dengan tugas tersebut maka hakim hendaklah mempunyai pengetahuan dan keupayaan yang sempurna untuk menjalankan tugas kchakimannya.

Salah satu cabaran kepada Hakim-hakim selain mengetahui semua Hukum Syarak yang terkandung dalam Al-Quran, Al-Hadith dan Kitab-kitab Ulama Muktabar ialah perlu juga mengetahui dan menguasai kandungan semua undang-undang yang ditadbirkan. Seseorang Hakim itu hendaklah dapat menguasai undang-undang dan peraturan yang ditadbirkan serta berupaya memutuskan semua kes yang dibawa di hadapannya bertepatan dengan hukum dan peraturan.

Fakta di atas menunjukkan bahawa perlu dilakukan satu kajian mengenai Prosedur Jenayah Syariah bagi membantu atau memudahkan Hakim-hakim menjalankan tugasnya pada masa hadapan khususnya mengenai kes-kes jenayah Syariah yang dilakukan. Semoga kajian ini nanti akan dapat membantu Hakim-hakim yang berkhidmat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.

1.5 Methodologi Kajian

Kajian ini dibuat dengan menggunakan method penyelidikan perpustakaan yang dilakukan terutamanya di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya. Bahan-bahan kajian dan rujukan yang telah diperolehi telah banyak membantu penulis menyiapkan kajian ini.

Selain itu, beberapa kajian perbincangan ringkas dengan Hakim-hakim Mahkamah Syariah di Negri Sembilan mengenai kajian ini juga telah memberikan sumbangsan yang besar dalam kajian ini. Begitu juga dengan pengalaman dan pengamatan penulis sendiri semasa bertugas di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tampin Negeri Sembilan telah digunakan bagi menyiapkan kajian ini.

1.6 Masalah Kajian

Dua masalah yang dapat dikesan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ini ialah pertama, sumber rujukan Bahasa Malaysia adalah kurang. Kebanyakkan bahan rujukan adalah di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Kedua, dari segi teknik penulisan, penulis tidak didedahkan mengenai panduan terperinci menulis

kajian yang betul atau standard. Oleh itu perlulah diberikan kepada peserta-peserta kursus ini buku panduan untuk menulis kajian pada masa hadapan.

BAB II

KEHAKIMAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

2.1 Pengenalan

Kehakiman merupakan satu institusi yang terpenting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Ia berfungsi menjalankan undang-undang dan peraturan untuk memastikan tertegaknya kebenaran dan keadilan. Hakim-hakim adalah orang yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan keadilan ini. Mereka mempunyai tanggungjawab yang berat kerana tugas yang dijalankan melibatkan hak Allah S.W.T dan hak manusia. Lebih-lebih lagi, sebagai seorang Muslim adalah dituntut bersikap adil kerana ia lebih hampir kepada takwa Allah S.W.T telah berfirman bermaksud :

*" Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa "*¹

2.2 Takrif Kehakiman

2.2.1 Takrif Dari Segi Bahasa

Dari segi bahasa " kehakiman " mempunyai banyak pegertian . Diantaranya adalah: -

- (i) " *al-Firaqh* " iaitu mengosongkan atau menyelesaikan.²
- (ii) " *al-Ilzam* " iaitu mewajibkan, mempastikan atau memaksa.³
- (iii) " *at-Taqdir* " iaitu menetapkan atau menentukan.⁴
- (iv) " *al-Adaa* " iaitu menjelaskan, menunaikan atau membayar.⁵
- (v) " *al-Amr* " iaitu mengarahkan atau merintahkan.⁶
- (vi) " *al-Khalq* " iaitu menjadikan, menyempurnakan atau mencipta.⁷

2.2.2 Takrif Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, " kehakiman juga mempunyai berbagai pengertian. Di antaranya adalah :-

- (i) Sebagai sifat kehakiman yang menyebabkan wajib dilaksanakan hukum syarak walaupun hukuman tersebut adalah tarjih dan ta'dil, tetapi bukan perkara mengenai maslahah umum umat Islam. Ini adalah pendapat Ibnu Irfah dari Mazhab Maliki.⁸
- (ii) Sebagai menyelesaikan kes, memutuskan pergaduhan dan pertelingkahan. Ini adalah pendapat sebahagian Mazhab Hanafi.⁹
- (iii) Sebagai pemberitahuan mengenai Hukum Syarak yang wajib dilaksanakan. Ini adalah pendapat sebahagian Mazhab hanafi.¹⁰

- (iv) Sebagai menyelesaikan kes dan memutuskan pergaduhan dalam bentuk khas yang terbit dari kekuasaan am. Ini adalah pendapat sebahagian Ulama Hadith.
- (v) Sebagai menghubungkan Allah dengan hambanya dengan cara mematuhi yang diperintahkan dengan mengikut apa yang dihukumnya melalui al-Quran dan as-Sunnah. Ini adalah pendapat sebahagian Ulama Hadith.¹¹
- (vi) Sebagai memutuskan pertikaian di antara dua pihak atau lebih dengan hukuman Allah S.W.T. Ini adalah pendapat kebanyakan golongan Syafie.¹²

2.3 Dalil Pensyariatan Kehakiman

Kehakiman adalah disyariatkan di dalam Islam. Terdapat banyak dalil yang menunjukkan kehakiman adalah disyariatkan menerusi ayat-ayat al-Quran, al-Hadith dan Ijma'.

2.3.1 Dalil dari al-Quran.

Antara lain Allah S.W.T telah berfirman bermaksud:

*" Wahai Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu Khalifah di Mukabumi, maka berilah keputusan (hukuman) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikut nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan "*¹³

Dilihat kepada ayat tersebut di atas, walaupun ia ditujukan kepada Nabi Daud a.s. tetapi ia juga secara umum ditujukan kepada setiap pemerintah dan hakim.

Mereka diingatkan supaya tidak mengikut hawa nafsu semoga menjatuhkan hukuman. Dengan demikian mereka akan dapat menjalankan hukuman di kalangan manusia dengan adil dan saesaama.

Allah telah memerintahkan kepada para rasul supaya menegakkan keadilan dan mencegah dari sebarang bentuk kezaliman. Ini adalah bertujuan supaya para rasul kekal sebagai ikutan yang baik bagi pemerintah dan hakim-hakim selepas mereka. Di samping itu arahan ini juga adalah ditujukan kepada semua kaum muslimin.

Kemudian Allah S.W.T telah menyeru kepada semua nabi agar melaksanakan keadilan dan menegakkannya dengan apa yang diajar dan diperintah olehNya seperti yang diperintahnya melalui kitab Taurat. Allah telah berfirman yang bermaksud. :

" Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab Taurat, di dalamnya ada petunjuk dan cahaya yang dengan kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh nabi-nabi yang menyerahkan diri kepada Allah, oleh orang-orang alim mereka dan pendita-pendita mereka disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Oleh itu janganlah kamu menukar ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah , maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir ".¹⁴

Begitulah Allah telah memerintah nabi-nabiNya supaya menghukum dengan apa yang diturunkan dan diperintahkan tanpa sebarang tawaran. Bagi maksud terlaksananya arahan dan perintah Allah tersebut maka adalah perlu diwujudkan institusi kehakiman. Institusi inilah yang akan memainkan peranan terpenting di dalam usaha kita untuk menghukum dan menegakkan keadilan seperti yang dituntut oleh Allah S.W.T.

2.3.2 Dalil dari as-Sunnah

Selain dari al-Quran, terdapat banyak Hadith Rasullah s.a.w yang mensyariatkan mengenai kehakiman. Di antaranya ialah seperti sabda Rasullah s.a.w yang bermaksud :

"Jika seorang Hakim telah berijtihad semasa menjatuhkan hukuman, dan ijtihadnya itu tepat, maka ia akan mendapat dua ganjaran dan jika salah maka ia akan mendapat satu ganjaran"¹⁵

Hadith ini dengan jelasnya menyatakan seorang hakim apabila menjatuhkan hukuman hendaklah berijtihad dan berusaha agar hukumannya tepat. Jika tepat mendapat dua pahala dan jika salah tidaklah menjadi satu dosa malah masih lagi diberikan satu pahala kerana ijtihad yang dilakukan itu. Hadith ini menunjukkan bahawa Islam menghormati hakim-hakim dan institusi kehakiman.

Abdullah Bin Amr telah meriwayatkan bahawa Rasullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

"Tidak halal bagi tiga orang yang berada di tanah lapang kecuali mereka mengangkat pimpinan salah seorang dari mereka".¹⁶

Hadith ini juga menyebut bahawa Rasullah s.a.w menyuruh diangkat salah seorang di antara mereka yang berada di dalam satu-satu kumpulan sebagai pemimpin. Kcadaan ini adalah bertujuan bagi menghindarkan perselisihan faham di antara mereka yang akan mengakibatkan permusuhan dan pergaduhan.

Sekiranya tiga orang yang berada di tanah lapang sudah diperintahkan melantik pemimpin, maka lebih lagilah bagi orang ramai yang berada di bandar atau wilayah suatu negara yang sama memerlukan terjaminnya hak dan keadilan, terhindar dari

kezaliman dan berbagai bentuk kejahatan. Dengan itu jelaslah bahawa institusi kehakiman adalah sangat perlu diwujudkan.

Banyak lagi Hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang menggalakkan supaya orang-orang yang berkeahlian di dalam bidang hukum agama cenderung menjadi hakim. Begitu juga dengan hadith-hadith Rasulallah s.a.w yang memberi ingatan akan dimasukkan ke dalam neraka bagi orang-orang yang memegang jawatan hakim sedangkan ia tidak berkeahlian dalam bidang hukum agama.

2.3.3 Dalil dari Ijma.

Tiada seorang pun di kalangan generasi sahabat, tabi'in dan generasi selepasnya yang menyangkal atau mengingkari adanya institusi kehakiman ini. Semua khulafaur Rasyidin turut serta mengembangkan institusi kehakiman tersebut. Keadaan ini berterusan sehingga wujudnya pemisahan kuasa antara kewuasaan judikatif, legislatif dan eksekutif.¹⁷

2.4 Peranan Hakim Syarie

Hakim mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting serta berat di dunia dan akhirat. Oleh itu ramai yang ada kelayakan menjadi hakim telah menolak dan mengelakkan diri dari menerima jawatan hakim tersebut. Banyak Hadith daripada Rasulullah s.a.w yang telah menerangkan betapa beratnya peranan hakim yang perlukan ketelitian dan kesungguhan di dalam melakukan tugasnya.

Di bawah ini dinyatakan beberapa Hadith yang menerangkan keadaan tersebut.

Anas Bin Malik telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

*" Sesiapa yang memohon atau meminta jawatan hakim, maka amanah itu tertanggung di atas dirinya sendiri tetapi sesiapa yang dilantik sebagai hakim tanpa sebarang permohonan darinya maka Allah akan menghantar malaikat untuk memberi kepadanya kekuatan "*¹⁸

Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

*" Apabila seorang hakim hendak menjatuhkan hukuman dengan bersunguh-sungguh serta adil, Allah akan memberi dua ganjaran kepadanya. Sebaliknya jika ia membuat kesilapan dalam keadaan yang sama maka ia akan diberi ganjaran sahaja "*¹⁹

Buraidah telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud. :

*" Di akhirat kelak Hakim-hakim akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, akan dimasukkan ke syurga dan dua bahagian lagi dimasukkan ke neraka. Pertama dimasukkan ke syurga kerana mengetahui kebenaran dan menjatuhkan hukuman dengan adil. Bagi hakim yang tahu kebenaran tetapi zalim akan dimasukkan ke neraka. begitu juga hakim yang menjatuhkan hukuman ke atas manusia berdasarkan kejahilannya dimasukkan ke dalam neraka."*²⁰

Sebuah Hadith lagi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasuhullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

*" Sesiapa yang dilantik menjadi hakim di antara manusia samalah seperti ia disembelih (lehernya) tanpa pisau "*²¹.

2.5 Tujuan Terpenting Kehakiman.

Al-Quran telah menegaskan bahawa tugas seorang hakim adalah untuk menegakkan keadilan dengan berani dan benar. Oleh itu tidak hairan tugas yang sebegini adalah tugas yang mulia dan mempunyai tanggungjawab yang berat. Allah s.w.t telah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah ahlinya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaklah kamu menetapkan dengan adil ... "*²²

Keadilan adalah satu perkara terpenting dalam penghakiman. terdapat satu kaedah yang menyatakan " Justice must not only be done but must be seen to be done " (keadilan itu tidak setakat mesti ditegakkan tetapi mestilah dapat dilihat ia ditegakkan). Keadilan juga tidak setakat dikehendaki kepada hakim, malah ia juga hendaklah dilakukan oleh orang-orang beriman. Allah S.W.T telah berfirman yang bermaksud :

*" Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu-bapa dan kaum kerabat kamu. Jika ia orang (yang kena dakwa) kaya atau miskin maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. maka janganlah kamu mengikut hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran . Dan jika kamu memutarkan belitkan keterangan atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya allah Maha mengetahui segala apa yang kamu lakukan "*²³

Keadilan itu adalah suatu daripada sifat Allah S.W.T Yang Maha Adil. Orang-orang yang beriman diprinciptah memelihara sifat adil dengan menegakkan keadilan sebagai saksi yang benar walaupun di atas diri sendiri ataupun kaum keluarga yang hampir.

Allah S.W.T telah berfirman yang bermaksud :

" Dan Kami turunkan kepadamu (Muhammad) al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang dibawa sebelumnya , maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu "²⁴

Ayat di atas jelas menerangkan supaya keadilan itu dilaksanakan dan diselenggarakan menurut apa yang telah Allah turunkan dan bukannya menurut hawa nafsu manusia sendiri. Allah juga telah berfirman yang bermaksud :

"Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Muhammad) kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wakilnya) dan janganlah engkau menjadi pemebela bagi orang-orang yang khianat "²⁵

Demikian beberapa ayat Al-Quran yang jelas memerintahkan agar kita menyempurnakan amanah dan menegakkan keadilan yang merupakan tujuan terpenting di dalam kchakiman. Hakim adalah orang yang paling bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan perintah Allah bagi menegakkkan keadilan di kalangan di kalangan umat Islam.

2.6 Bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Menurut Islam, bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah sangat luas meliputi semua kes dan berkaitan semua bentuk perbalahan termasuk semua bidang jrimah dan kesalahan seperti yang berhubung dengan undang-undang keluarga, muamalah, jenayah dan sebagainya. Kesalahan-keselahannya adalah berhubung

dengan hak Allah, hak manusia atau campuran dari kedua-dua hak tersebut. Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman atas kesalahan hudud, qisas dan ta'zir.

Untuk melicinkan lagi pentadbiran kehakiman dan perjalanan undang-undang Islam, khalifah mempunyai kuasa melantik hakim-hakim dengan memberikan bidangkuasa yang ditentukan atau dihadkan kepada sesuatu tugas, tempat, masa dan kejadian yang lebih dikenali dengan pengkhususan-pengkhususan seperti berikut:²⁶

1. *Al-Ikhtisas An-Nau'ie*, iaitu seseorang hakim hanya mempunyai bidangkuasa yang terhad untuk mendengar dan membicarakan jenis kes yang tertentu sahaja seperti kes-kes yang berkaitan dengan kekeluargaan.
2. *Al-Ikhtisas Bi Miqdar Muaiyyan*, iaitu seseorang hakim boleh menghukum dengan kadar tertentu seperti menghukum tidak lebih daripada 200 dirham atau 20 dinar.
3. *A-Ikhtisas Bi Qadiyyah Muaiyyanah*, iaitu seseorang hakim yang diberikan kuasa membicarakan dan menyelesaikan suatu kes sahaja dan tidak lebih dari itu.
4. *Al-Ikhtisas Ba'dha Al-Waqae Wa Al-Hawadith*, iaitu seseorang hakim yang mempunyai bidangkuasa untuk bicara yang menyeluruh dengan kekecualian terhadap beberapa kes.
5. *Al-Ikhtisas Al-Makani*, iaitu seseorang hakim hanya mempunyai bidangkuasa mendengar dan membicarakan sesuatu kes di kawasan dan tempat yang ditentukan sahaja.

6. *Ikhtisas Al-Qadi Bi Zaman Muaiyyan*, iaitu sesorang hakim hanya mempunyai bidangkuasa mendengar dan membicarakan kes-kes pada hari atau masa tertentu yang ditetapkan sahaja.
7. *Ikhtisas A-Qudhah Inda Ta'aduddihim*, iaitu beberapa orang hakim dilantik di sesuatu kawasan dan hakim itu mempunyai bidangkuasa mendengar dan membicarakan kes-kes di kawasan itu.
8. *Ikhtisas Al-Qadi Bi Mazhab Muaiyyan*, iaitu seseorang hakim dilantik untuk menghukum berdasar kepada mazhab tertentu.

Berdasarkan kepada beberapa pengkhususan tersebut, adalah jelas bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah luas. Mahkamah di dalam Islam adalah sebuah institusi terpenting yang berbidangkuasa untuk menegakkan kedilan, mentadbir undang-undang, melindungi hak orang yang dizalimi dan yang tidak berkeupayaan dan memberikan hak kepada yang berhak.

Bidangkuasa untuk menjatuhkan hukuman adalah dari serangan-ringan hingga seberat-beratnya selaras dengan undang-undang Islam yang merangkumi hukuman hudud, qisas dan ta'zir. kesemua ini adalah ditadbirkan mengikut bidangkuasa tertentu dan berdasarkan kepada keperluan dan maslahah.